

SIARAN AKHBAR

Untung Selepas Cukai Pharmaniaga Naik 87% Pada Suku Pertama

KUALA LUMPUR, 3 Mei 2012 – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) dijangka mencatatkan keputusan memberangsangkan pada tahun kewangan semasa selepas mencatatkan untung selepas cukai lebih tinggi berjumlah RM29.1 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2012, iaitu kenaikan 87% berbanding RM15.6 juta yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lepas.

Kumpulan meraih untung sebelum cukai RM43 juta, 97% lebih tinggi berbanding RM21.8 juta yang dicatatkan pada suku pertama 2011. Keputusan ini dicapai berasaskan perolehan berjumlah RM 446.7 juta bagi suku tahun yang dilaporkan berbanding RM385.3 juta yang diperoleh pada tempoh yang sama tahun lepas.

Bagi tempoh yang dilaporkan, pendapatan sesaham (EPS) adalah 24.38 sen berbanding EPS 13.16 sen bagi tempoh sama yang lepas, iaitu kenaikan ketara sebanyak 85%, manakala aset bersih sesaham bernilai RM 4.03 (31 Disember 2011: RM3.98).

Berasaskan prestasi baik Kumpulan, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen sebanyak 7.5 sen sesaham.

YBhg Tan Sri Dato' Lodin Wok Kamaruddin, Pengerusi, Pharmaniaga Berhad berkata, "Kami nyata gembira dengan permulaan baik kami pada tahun kewangan ini. Kami berjaya mencatatkan keputusan mantap hasil kombinasi faktor termasuk pertumbuhan perolehan, tahap kecekapan lebih tinggi, hasil daripada anak syarikat yang baru diambil alih, Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd, yang meliputi 25% daripada untung sebelum cukai Kumpulan dan hasil lebih tinggi daripada operasi kami di Indonesia."

“Kami yakin terhadap prospek bagi 2012 dan komited untuk meluaskan perniagaan kami di dalam dan luar negara untuk terus meningkatkan nilai bagi pemegang saham dan meningkat naik dalam rantaian nilai farmaseutikal pada tahun ini.”

“Pemegang saham majoriti kami, Boustead Holdings Berhad telah berjaya meluaskan sebaran pemegang saham daripada 2% selepas selesai tawaran awam kepada 17% buat masa ini. Boustead sedang berusaha untuk menurunkan lagi kepentingannya untuk mencapai sebaran pemegang saham 25% bagi memberi peluang kepada pelabur Malaysia untuk mengambil kesempatan daripada prospek pertumbuhan kukuh kami.”

“Memandangkan keputusan operasi kami mantap pada tahun kewangan ini, kami telah mengisytiharkan dividen interim untuk pemegang saham sedia ada dan walaupun kami tidak mempunyai dasar dividen tetap, kami yakin akan dapat terus memberi ganjaran kepada pemegang saham selagi rekod pencapaian pendapatan kami dikekalkan atau diatasi,” rumus YBhg Tan Sri Dato’ Lodin.

Kenyataan tinjauan masa depan

Siaran ini mungkin mengandungi kenyataan tinjauan masa depan berhubung dengan keadaan kewangan, keputusan operasi dan perniagaan Kumpulan dan rancangan dan objektif tertentu Pharmaniaga Berhad berhubung dengan perkara ini. Berasaskan cirinya, kenyataan tinjauan masa depan membabitkan risiko dan ketidakpastian kerana hubung kaitnya dengan peristiwa dan keadaan yang akan berlaku pada masa depan dan terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan keputusan dan prestasi sebenar pada masa depan berbeza secara ketara daripada yang dinyatakan secara tersurat atau tersirat dalam kenyataan tinjauan masa depan ini.

-tamat-

Dikeluarkan bagi pihak: Pharmaniaga Berhad Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Natalia Ghani at 012 231 4782 atau Roshen Dev di 03 7958 8348 Atau e-mel ke: acorncommunications@acornco.com.my	Oleh: acorn communications sdn bhd
--	---